

Sebuah agensi di bawah



KPDNKK

Kementerian Perdagangan
Dalam Negeri, Koperasi
dan Kepenggunaan



Memastikan Persaingan Adil

Katakan Tidak Kepada Tipuan Bida





Untuk membantu perkembangan ekonomi Malaysia, perolehan awam terus memainkan peranan yang penting seperti sedia ada, bagi membolehkan pihak kerajaan menjamin dan menyelenggara aset serta prasarana yang merupakan intisari kepada pembangunan negara yang lestari. Jika dibandingkan dengan negara-negara anggota Organisasi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) yang lain

– yang memperuntukkan 10% hingga 20% belanjawan negara untuk bidang tersebut – Malaysia pula telah beriltizam untuk menyumbang 24% hingga 33% daripada Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK) untuk perbelanjaan perolehan awam semenjak 10 tahun yang lalu. Ini menunjukkan penekanan yang diberikan oleh kerajaan kepada pembangunan prasarana.

Justeru itu, amalan tipuan bida, yang bersifat antipersaingan dan merupakan salah satu bidang kuasa utama MyCC, amat menjejaskan ekonomi negara. Ini disebabkan tindakan buruk ini meningkatkan harga perolehan individu – meningkatkan kos bagi orang perseorangan, kerajaan dan orang awam – pada masa yang sama berpotensi mengganggu keseimbangan dan menggugat keberhasilan projek dan perkhidmatan yang penting.

Bagi membanteras amalan ini serta amalan antipersaingan yang lain seperti penetapan harga dan pembahagian pasaran, *Akta Persaingan 2010* (AP 2010) dan MyCC telah ditubuhkan hampir empat tahun lalu

bagi memastikan pasaran tempatan yang lebih terbuka dan adil.

Berkat usaha berterusan pihak MyCC untuk menghebahkan dan membina kesedaran mengenai polisi-polisi negara yang berkenaan, bidang persaingan menjadi topik yang hangat dibincangkan di Malaysia. MyCC juga telah mengambil langkah untuk membantu syarikat-syarikat bagi memikul tanggungjawab yang lebih besar dalam pematuhan piawaian, menghasilkan bahan rujukan yang kondusif dan berkesan serta bakal membantu mengenalpasti bidang perniagaan yang bermasalah dan mengurangkan risiko salah laku.

Saya menghulurkan ucapan tahniah kepada MyCC bagi pencapaiannya setakat ini. Saya mahu melihat mereka memperoleh pencapaian yang lebih tinggi, dan semoga semua warga MyCC berjaya dalam khidmat usaha yang tiada berkesudahan.

Dato' Sri Hasan Malek

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Kita sudah semakin hampir ke penghujung 2014 dan MyCC telah mencapai pelbagai kejayaan dalam usaha berterusannya menginstitusikan persaingan di Malaysia, di samping mewujudkan lanskap perniagaan yang lebih adil dan terbuka. Kami terus terlibat secara aktif di dalam pelbagai program dua hala dan multilateral yang berfokus kepada pembangunan polisi persaingan, dan baru-baru ini saya sendiri turut menghadiri persidangan dan forum sedemikian di Korea Selatan dan Jepun.

Dari segi domestik, MyCC terus memfokuskan inisiatif promosi untuk membina kesedaran tentang tipuan bidaan dan ancamannya kepada ekonomi, di samping menggalakkan penguatkuasaan peruntukan perundangan yang berkaitan. Seajar dengan usaha ini, saya juga telah merasmikan beberapa program *outreach* di seluruh Negara, yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran berkenaan topik tersebut, terutamanya di kalangan pegawai yang terlibat dengan perolehan awam.

Secara umumnya, kepentingan pematuhan ini telah menjadi semakin ketara terutamanya kepada pengamal di sektor swasta di Malaysia. Walaupun MyCC terus dengan aktiviti penyiasatan kes dan penjelasan tafsiran undang-undang, pihak syarikat juga memainkan peranan utama dalam memastikan pematuhan terhadap *Akta Persaingan 2010* (AP 2010).

Untuk memastikan orang ramai dapat lebih memahami keputusan penguatkuasaan berkaitan dengan penalti kewangan dan mengambil kira kelonggaran undang-undang, Suruhanjaya turut menyediakan garis panduan berkaitan di laman webnya. Dokumen ini masing-masing adalah berdasarkan Seksyen 17 *Akta Persaingan 2010* dan Seksyen 40(1) dan 41 *Akta*, dan tidak bertujuan untuk menggantikan atau mendahului mana-mana peruntukan yang telah dibuat di dalam *Akta* atau mana-mana perundangan berikutnya.

Pada masa yang sama, Suruhanjaya terus menjalankan fungsi sebagai satu-satunya badan berkanun di Negara ini berkenaan dengan advokasi persaingan. Setelah melancarkan buku panduan *Akta Persaingan 2010: Garis Panduan Pematuhan*, pada tahun lepas kami telah bersama-sama melancarkan *Senarai Semak Pematuhan* dengan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM). Walaupun senarai semak ini ditujukan kepada ahli FMM, ia juga boleh didapati oleh perniagaan lain dan digunakan sebagai rujukan untuk mewujudkan senarai semak mereka bagi mengesahkan sendiri kesahihan operasi mereka dan juga kecukupan pematuhan dalaman dan langkah pencegahan. Adalah amat membanggakan apabila FMM telah mengambil inisiatif untuk menjadi rakan advokasi dan saya berharap lebih ramai persatuan yang akan turut serta.



Memandang ke hadapan, saya yakin bahawa lebih banyak yang akan dicapai pada tahun 2015. Daripada semua usaha-usaha pembangunan-kesedaran yang dijalankan MyCC sehingga kini, sektor korporat telah menjadi semakin matang sekaligus terus melangkah ke hadapan dengan memastikan pematuhan persaingan, dan MyCC akan terus bergerak ke hadapan dengan momentum ini.

Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob

Pengerusi, Suruhanjaya Persaingan Malaysia



Untuk membolehkan peralihan kepada ekonomi yang membangun dengan sepenuhnya, mempunyai ekosistem perniagaan yang dapat menandingi standard dunia adalah amat mustahak.

Salah satu halangan kepada ekonomi yang sihat adalah perilaku antipersaingan seperti tipuan bidaan, yang telah menggugat pasaran adil. Selaras dengan ini, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengenalpasti tipuan bidaan sebagai salah satu daripada masalah utama yang harus ditangani. Pada tahun ini, usaha intensif telah dilakukan dalam meningkatkan kesedaran mengenai tipuan bida termasuklah pelancaran dua buah buku yang bertajuk *Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam* dan *Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida* di Putrajaya pada 23 Jun 2014. Pelancaran ini turut berlangsung di Kuching, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah. Pada masa yang sama, beberapa seminar turut diadakan di seluruh negara, sejajar dengan matlamat kami untuk meningkatkan kesedaran mengenai amalan antipersaingan.

Memandangkan sifat dan ciri-ciri tipuan bida ini berkait rapat dengan keperluan terhadap ketelusan dan amalan perniagaan beretika, langkah kami seterusnya adalah untuk menjalin kerjasama dengan Jabatan Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Ini adalah kerana tipuan bida dan gejala rasuah boleh disamakan dengan dua bahagian berbeza pada duit syiling, serupa tapi tak sama; dan di arena antarabangsa juga, perdebatan mengenai persaingan dan rasuah juga semakin meningkat.

Penyertaan di dalam program antarabangsa merupakan platform MyCC untuk bukan sahaja berkongsi amalan terbaik bersama negara lain, malah untuk belajar lebih lanjut mengenai perundangan dan amalan berkaitan antipersaingan yang boleh digunapakai di dalam rangka kerja kita. MyCC turut menyertai *Persidangan Persaingan ASEAN ke-Empat*, yang diadakan pada bulan Julai di Manila, di mana kami merupakan moderator panel yang membincangkan *Strategi Baru untuk Pengenalpastian dan Pencegahan Kartel*. Selain itu, MyCC turut menyertai *Persidangan Undang-undang Persaingan 2014* yang dianjurkan di Singapura.

MyCC turut terlibat secara aktif dalam penglibatan kumpulan kerja antarabangsa, dalam usaha untuk menguatkan lagi daya upaya teras kami dan sebagai penanda aras berbanding dengan bidang kuasa yang lebih berpengalaman. Pada Jun tahun ini, kami juga akan menganjurkan bersama Bengkel Kumpulan Pakar Persaingan ASEAN (ASEAN Experts Group on Competition – AEGC) tentang Penyiasatan dan Pengendalian Kes dengan Sekretariat ASEAN dan *German Federal Enterprise for International Cooperation (GIZ)*. Kami juga telah melaksanakan kerjasama merentasi sempadan melalui program penempatan, seperti dengan Suruhanjaya Persaingan Singapura, di samping mendapatkan bantuan teknikal.

Secara keseluruhannya, kami meneruskan usaha progresif serampang dua mata penguatkuasaan dan advokasi kami dalam melaksanakan *Akta Persaingan 2010* (AP 2010) dan mendapati usaha tersebut telah berhasil. Sebelum tirai tahun ini berlabuh, kami berharap untuk terus memupuk lebih kesedaran berkaitan isu persaingan dan seterusnya, pematuhan di kalangan pihak berkepentingan sama ada dalam sektor awam mahupun swasta. Akhir sekali, misi kami untuk mempromosi persaingan hanya boleh dicapai dengan usaha bersama di antara MyCC, badan kerajaan berkaitan, pihak korporat dan orang ramai.

Shila Dorai Raj

KPE, Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Sidang Redaksi

Penasihat

Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob

Ketua Sidang Pengarang

Shila Dorai Raj

Pengarang

Rowena Wong

Unit Berita

Unit Komunikasi Korporat, Unit Ekonomi, Unit Perundangan, Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa, Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan

Untuk sumbangan dan pertanyaan editorial, sila emel ccu@mycc.gov.my

Penerbit dan Pengedar

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)
Aras 15, Menara SSM@Sentral,
7, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur

Untuk maklumat lanjut berkaitan MyCC, sila kunjungi:

Laman web rasmi MyCC:
www.mycc.gov.my



www.youtube.com/MyCompetitionNews



www.facebook.com/theMyCC

Penghasilan dan Konsep oleh
AMG Holdings International Sdn. Bhd. (356247-V)
10-3A, Jalan PJU8/3,
Damansara Perdana, 47820 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +603 7729 4886
Fax: +603 7729 4887

Dicetak oleh
Percetakan Skyline Sdn. Bhd.
(135134-V)
35 & 37, Jalan 12/32B, Jalan Kepong,
52100 Kuala Lumpur, Malaysia

Penafian:

Penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula sama ada sebahagian atau sepenuhnya tanpa kebenaran daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Untuk pertanyaan, sila e-mel enquiries@mycc.gov.my, telefon +603-2272 2293 atau faks +603-2272 1692.

SOROTAN MyCC

Antara program dan aktiviti yang dianjurkan atau dihadiri oleh MyCC dalam usaha menjalankan tanggungjawab mereka.



KPE MyCC, Shila Dorai Raj (tengah) memoderasi diskusi plenari bertajuk 'New Strategies for Cartel Detection and Deterrence,' di mana pakar polisi persaingan daripada seluruh pelusuk ASEAN turut terlibat.

Memudahkan Rangka Kerja

Untuk meningkatkan lagi sumbangan mereka di dalam membangunkan piawaian persaingan di rantau ini, MyCC telah menyertai *4th ASEAN Competition Conference*, yang diadakan di Manila, Filipina, dari 16 hingga 17 Julai.

Program tersebut, yang bertemakan *Building Blocks for Effective Enforcement of Competition Policy & Law* telah dihadiri oleh KPE MyCC Shila Dorai Raj – yang juga bertindak sebagai moderator di dalam salah satu diskusi plenari – dan Eksekutif di Bahagian Penyasatan dan Penguatkuasaan, Muhammad Imran.

Memajukan Kesedaran

Menyedari kepentingan memupuk etika perniagaan dan pematuhan persaingan daripada usia muda, pihak MyCC telah menganjurkan seminar industri untuk para pelajar Putra Business School, Universiti Putra Malaysia, pada 11 Ogos.

KPE MyCC Shila Dorai Raj telah membentangkan isu berkaitan asas undang-undang persaingan di dalam seminar yang bertemakan Polisi Persaingan di Malaysia itu.



KPE MyCC Shila Dorai Raj membentangkan isu berkaitan undang-undang persaingan Malaysia kepada para pelajar di Universiti Putra Malaysia.



Eksekutif Bahagian Perancangan Strategik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Ayuda Sari Ismail menyampaikan pembentangan berkenaan strategi advokasi yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya ini semenjak ia ditubuhkan.

Mempromosi Pembentukan Polisi

Dianjurkan oleh *Competition Commission of Singapore (CCS)*, *ASEAN Experts Group on Competition (AEGC) Workshop on Promoting Competition Compliance* telah diadakan pada 20 Ogos tahun ini. Bengkel tersebut memberikan pihak berkuasa persaingan ASEAN panduan dalam merekabentuk program *outreach* yang efektif kepada perniagaan, di samping meninjau strategi bagi menggalakkan lebih pematuhan undang-undang persaingan di antara syarikat.

MyCC diwakili oleh Eksekutif Bahagian Perancangan Strategik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Ayuda Sari Ismail, dan Penolong Pegawai Tadbir di Bahagian Perancangan Strategik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Noor Khalijah Mazlan, yang telah menyorot usaha-usaha Suruhanjaya ini di dalam memupuk pematuhan persaingan di Malaysia.

Bekerjasama untuk Pematuhan

Sebagai sebahagian daripada usaha kerjasama di antara MyCC dengan *Competition Commission of Singapore (CCS)*, perwakilan daripada Suruhanjaya Malaysia ini menghadiri *Competition Law Conference 2014* di negara jiran tersebut pada 21 dan 22 Ogos.

Dianjurkan bersama oleh CCS dan *Singapore Academy of Law (SAL)*, perjumpaan ini telah mendekatkan pakar-pakar antarabangsa dan tempatan untuk bersama-sama membincangkan pembangunan terkini di dalam polisi dan undang-undang, termasuklah amalan terbaik untuk memastikan pematuhan persaingan.

Seramai lebih kurang 250 orang pengamal polisi dan undang-undang persaingan, ahli akademik dan para pelajar dan juga KPE MyCC, Shila Dorai Raj telah menghadiri persidangan ini yang turut meraikan genap 10 tahun penubuhan CCS.



KPE MyCC, Shila Dorai Raj berucap kepada para hadirin mengenai strategi Suruhanjaya untuk meningkatkan pematuhan persaingan.



KPE Shila Dorai Raj menyampaikan pembentangnya bertajuk *Akta Persaingan 2010 (AP2010)* dan pertimbangan berkaitan untuk syarikat.

Memperbaiki Perniagaan

Untuk menggalakkan amalan positif di dalam komuniti perniagaan di Malaysia, MyCC telah menyertai persidangan tahunan 2014 yang dianjurkan oleh *Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)* di Kuala Lumpur pada 9 September.

Di persidangan tersebut, yang bertemakan *Challenges of the Changing Corporate and Regulatory Landscape*, MyCC diwakili oleh KPE Shila Dorai Raj, yang membentangkan tajuk *Akta Persaingan: Impak, Isu dan Cabaran kepada Perniagaan*.



KPE MyCC Shila Dorai Raj (tiga dari kanan) menyampaikan kit yang mengandungi bahan advokasi kepada Menteri Datuk Ir Dr Wee Ka Siong (tiga dari kiri). Turut di dalam gambar adalah Pembantu Khas Menteri untuk Hal Ehwal IKS Lester Kong, rakan sekerja Ir Lawrence Low, Ketua Unit Komunikasi Korporat MyCC Rowena Wong dan Pengarah Perancangan Strategik dan perhubungan Antarabangsa MyCC Aila Abdullah.

Membantu Tadbir Urus

Di atas jemputan Jabatan Perdana Menteri, MyCC telah mengadakan pembentangan khusus untuk Menteri yang baru sahaja dilantik bagi memantau Pembangunan IKS, Datuk Ir Dr Wee Ka Siong berkenaan *Akta Persaingan 2010 (AP2010)*, keperluan yang ditetapkan oleh peruntukan di dalamnya, dan semangat persaingan yang ingin dipupuk.

Pengenalan secara komprehensif telah diberikan oleh KPE MyCC Shila Dorai Raj pada 18 September, yang mana turut dihadiri oleh Ketua Unit Komunikasi Korporat Rowena Wong dan Pengarah Perancangan Strategik dan Perhubungan Antarabangsa Aila Abdullah.



KPE MyCC Shila Dorai Raj (tengah) menerima Sijil Penghargaan daripada bekas Presiden IEM (Sesi 2013/2014) Ir Choo Kok Beng (kiri). Turut serta dalam gambar adalah Naib Presiden IEM dan Ahli Kouncil (Sesi 2014/2015) Dato Ir Dr Andy Seo.

Menjelaskan Amalan Tidak Beretika

Bagi menggalakkan lebih pematuhan kepada *Akta Persaingan 2010 (AP 2010)* dan meningkatkan kesedaran berkenaan jenis-jenis amalan perniagaan antipersaingan, MyCC telah mengadakan sesi taklimat khusus kepada ahli-ahli Institut Jurutera Malaysia (IEM) pada 19 September pada tahun ini.

Sesi khusus ini telah dilaksanakan oleh KPE MyCC Shila Dorai Raj, di mana perbincangan secara lebih mendalam tentang skala yuran yang dikenakan ke atas badan profesional, dan implikasi amalan perundangan berkaitan di bawah AP 2010 telah diadakan.

SOROTAN MyCC

Mengimbas Piawaian Serantau

Pada 4 dan 5 September, MyCC telah menyertai *8th Seoul International Competition Forum* dan *18th International Workshop on Competition Policy* yang diadakan di ibu negara Korea Selatan, Seoul. Acara ini telah menemukan pakar polisi persaingan untuk bersama-sama membincangkan penanda aras institusi berkaitan dan pelaksanaan undang-undang berkaitan di seluruh Asia.

Kedua-dua acara ini dihadiri oleh Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, Ketua Unit Undang-undang Dhaniah Ahmad dan Eksekutif Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan Pakeeza Mohammed Junus.



Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob (tengah), Ketua Unit Undang-undang Dhaniah Ahmad dan Eksekutif Bahagian Penyiasatan dan Pelaksanaan Pakeeza Mohammed Junus ketika *8th Seoul International Competition Forum*.



Dari kiri ke kanan : Pengarah Perancangan Strategik dan Perhubungan Antarabangsa MyCC Aila Melissa Abdullah, Pengerusi *Japan Fair Trade Commission* Kazuyuki Sugimoto, Dekan Institut Pembangunan Bank Asia Dr. Naoyuki Yoshino, Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, MyCC Eksekutif Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan Amalina Ramdzan dan Pesuruhjaya *China Taiwan Fair Trade Commission* Dr Diana Hwei-An Tsai.

Memperjuangkan Kerjasama

Pengerusi Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob baru-baru ini telah berangkat ke Jepun untuk menyertai *10th East Asia Top Level Official's Meeting on Competition Policy* tentang Polisi Persaingan yang diadakan sebagai sebahagian Sesi Meja Bulat Asian Enforcers di Persidangan Tahunan Persatuan Peguam Antarabangsa 2014- pada 20 dan 21 Oktober- di mana beliau turut mengetuai panel diskusi bertajuk *Promotion of International Enforcement Cooperation*, membolehkannya berkongsi pengalaman MyCC di dalam menggerakkan kerjasama antara kerajaan bagi menggalakkan lebih pematuhan persaingan merentasi pelbagai yurisdiksi.

Melancarkan Senarai Semak Pematuhan

MyCC dan Persekutuan Pekilang-pekilang (FMM) telah melancarkan senarai semak pematuhan pada 25 November yang merupakan ringkasan *MyCC Compliance Guidelines*. Turut diadakan pada masa yang sama adalah taklimat bertajuk *Better Business with Competition Compliance*. Seramai 120 orang ahli FMM telah menghadiri acara tersebut di mana Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob berkata "Perniagaan harus sedar bahawa tiada istilah 'satu saiz muat semua' bagi program pematuhan undang-undang persaingan. Setiap perniagaan mestilah menilai risiko pematuhan masing-masing dan menetapkan langkah yang perlu diambil untuk mematuhi perundangan yang ditetapkan."




Dari kiri ke kanan: Ahli Kouncil FMM Steven Aroki, Mantan Presiden FMM Tan Sri Datuk Yong Poh Kon, KPE MyCC Shila Dorai Raj, Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, Presiden FMM Dato' Saw Choo Boon, dan Ahli Suruhjaya MyCC Prof Dato' Dr Sothi Rachagan.

Untuk maklumat tentang acara-acara terkini, sila layari www.mccc.gov.my. Sila kemukakan pertanyaan mengenai penganjuran seminar *Akta Persaingan 2010* kepada Bahagian Perancangan Strategik dan Hubungan Antarabangsa di spiad@mccc.gov.my.

Q&A

Anda mempunyai sebarang soalan berkenaan prosedur-prosedur dan polisi-polisi Suruhanjaya Persaingan Malaysia? **MyCompetition News** menerbitkan soalan-soalan yang sering diajukan kepada pihak MyCC oleh mereka yang terlibat dalam bidang perniagaan dan orang awam.



Q PKS yang saya uruskan telah dijemput menyertai perbincangan dengan pesaing-pesaing saya bagi menentukan harga barangan dan perkhidmatan kami. Adakah amalan ini dilarang di sisi undang-undang?

A Menurut Seksyen 4(2) Akta Persaingan 2010 (AP 2010), perusahaan adalah dilarang berkomunikasi antara satu sama lain berkenaan harga ataupun syarat perdagangan yang digunakan bagi menentukan kadar yang akan dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan.


Tindakan ini yang ditakrifkan sebagai penetapan harga dan merupakan suatu bentuk perjanjian mendatar yang bersifat antipersaingan dan berpotensi menyekat persaingan secara signifikan antara pihak-pihak yang bekerjasama dan harus dielakkan sama sekali dengan memastikan keputusan berkenaan harga dan pemasaran dibuat secara berasingan.

Bagi menghadkan liabiliti pada masa hadapan, perusahaan juga harus merekodkan asas bagi keputusan-keputusan tersebut dan memastikan kakitangan yang terlibat dengan jualan dan pemasaran memahami batasan dalam membincangkan maklumat berkaitan harga dengan para pesaing mahupun semasa mesyuarat persatuan.

Q Saya dalam proses menghantar bidaan bagi suatu kontrak dan telah berbincang terlebih dahulu dengan pembida-pembida yang lain. Adakah tindakan ini dibenarkan di bawah Akta Persaingan 2010 (AP 2010)?

A Tidak. Tipuan bida berlaku dalam bentuk penetapan harga dan pembahagian pasaran, yang mana menyalahi perjanjian anti persaingan. Apa yang anda terangkan adalah bidaan secara giliran, yang juga menyalahi AP 2010, bersama dengan lain-lain bentuk tipuan bida seperti harga terselindung, penarikan balik bida dan bidaan yang menindas.

Tujuan utama proses tender diadakan adalah untuk memilih syarikat kompeten di kalangan syarikat yang membuat tawaran; mana-mana yang menawarkan harga terbaik dengan tawaran paling menarik. Tipuan bida merupakan rintangan mencapai hasrat ini.



MEMPERKUKUHKAN KECEKAPAN TERAS

Bengkel Penyiasatan dan Pengendalian Kes Kumpulan Pakar Persaingan ASEAN (AEGC)

Kumpulan Pakar Persaingan ASEAN (AEGC) yang diiktiraf oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Ministers, AEM) ditubuhkan pada Ogos 2007 yang berfungsi sebagai suatu forum serantau untuk perbincangan dan kerjasama yang melibatkan polisi dan perundangan persaingan. Berkat usaha-usaha AEGC telah membawa kepada pembangunan Garis Panduan Polisi Persaingan Serantau ASEAN dan satu Buku Panduan Polisi dan Undang-undang Persaingan bagi Perniagaan di ASEAN.

Seiring dengan tumpuan AEGC untuk memperkukuhkan kecekapan teras badan persaingan, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) juga memberikan keutamaan kepada pembinaan kapasiti sepertimana dibincangkan dalam mesyuarat Sumbang Saran AEGC berhubung *Keperluan Pembinaan Kapasiti*. Sehubungan dengan ini, MyCC bersama dengan Sekretariat ASEAN dan *Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit* (German Federal Enterprise for International Co-operation – GIZ) untuk julung kalinya menganjurkan Bengkel Penyiasatan dan Pengendalian Kes Kumpulan Pakar Persaingan ASEAN (AEGC) pada 17 dan 18 Jun di Hotel Best Western, Kuala Lumpur.

Ucapan alu-aluan dan ucap-tama disampaikan oleh Pengerusi MyCC Tan Sri

Dato' Seri Siti Norma Yaakob dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Dato' Sri Hasan Malek. Pengerusi MyCC menyatakan dalam ucapannya bahawa bengkel ini merupakan suatu landasan yang penting bagi perkongsian pengalaman dengan bidang kuasa-bidang kuasa yang ditubuhkan lebih awal dan pengenalan kepada kepakaran dari luar negara.

Dato' Sri Hasan Malek juga memuji usaha MyCC dalam menguatkuasakan dan menggalakkan undang-undang persaingan di samping melindungi para pengguna. Beliau turut menekankan bahawa persekitaran yang sesuai dan berdaya saing diperlukan bagi membina suatu ekonomi yang kukuh – lantas pelaksanaan polisi pengguna dan undang-undang persaingan secara efektif adalah amat penting.

Pandangan Para Pakar

Bengkel tersebut diteruskan dengan pembentangan pandangan daripada wakil-wakil ASEAN yang terpilih, khususnya daripada Indonesia, Malaysia, Singapura dan Vietnam, yang menerangkan pengalaman masing-masing berhubung cabaran yang dihadapi dalam penyiasatan mereka. Pembentangan ini diikuti oleh tiga sesi berkaitan *Initiating Anti Trust (Cartel) Investigation, Gathering Evidence* dan *Handling Of Evidence and Case Files* yang disampaikan oleh Michael Albers, bekas Pegawai Perbicaraan di Suruhanjaya Eropah.

Albers mengatakan bahawa peraturan yang jelas penting bagi menggalakkan prosedur yang berkesan dan adil serta melarang aktiviti kartel secara tegas. Tanpa peraturan sedemikian, suatu kes yang bagus

"Penguatkuasaan yang berkesan adalah penting bagi melaksanakan polisi dan undang-undang persaingan dengan jayanya dan pelaksanaan yang berkesan bergantung pada penyiasatan dan pengendalian kes yang bagus. Bengkel yang diadakan buat julung kali ini boleh dijadikan titik permulaan bagi negara-negara anggota yang terlibat menjalani latihan yang lebih mendalam."

Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob
Pengerusi MyCC



"Saya gembira melihat ketersediaan pihak-pihak yang terlibat menerangkan kelemahan dan kesilapan serta mengakui bahawa sistem mereka bukanlah sempurna. Ini merupakan sikap yang terbuka dan berterus-terang. Sekiranya boleh memberitahu pihak lain bahawa sistem yang dimiliki tidak sempurna, maka itu merupakan langkah pertama bagi bukan sahaja memperbaiki diri tetapi juga sedar akan kesalahan-kesalahan yang mungkin berlaku pada masa hadapan."

Michael Albers
Former Hearing Officer, and former Head of Units for Antitrust Policy,
European Commission

"Program Kelonggaran (perusahaan yang terlibat dengan kartel atau tipuan bida diberi imunisasi atau pengurangan surcaj jika perusahaan itu melaporkan aktiviti-aktiviti tersebut kepada Suruhanjaya Perdagangan Adil Jepun secara sukarela) sememangnya amat berjaya memandangkan kebanyakan kes kartel di Jepun dimulakan olehnya. Di bawah program ini, kami tidak menerima kes-kes yang dilaporkan oleh pihak yang memulakannya. Ini bertujuan mengelakkan percubaan daripada syarikat-syarikat yang sengaja melibatkan diri dengan kartel bagi memusnahkan pesaing mereka."

Katsunori Inaguma
Senior Investigator for International Cartel, Japan Fair Trade Commission



"Program ini disusun dengan baik dan para peserta diberikan peluang melihat perbezaan pelbagai sistem perundangan dan konsep negara anggota ASEAN yang lain."

Yeo Hui Chuan
Assistant Director Legal & Enforcement,
Competition Commission of Singapore



"Kebolehan yang bagus serta kebolehan menganalisa diperlukan bagi menceburi bidang ini. Apabila undang-undang persaingan diperhatikan dari aspek ekonomi, kita sentiasa melihat kesan sesuatu tindakan bagi memutuskan samada terdapat pelanggaran undang-undang persaingan dan kaedah pemikiran ini berbeza dengan cara kebanyakan peguam dilatih untuk memahami undang-undang."

Prof Robert Ian McEwin
Competition Law Expert, European Union

mungkin ditolak oleh mahkamah kerana pihak yang dituduh boleh mendakwa dirinya dimanipulasikan dan dakwaan tersebut akan mempengaruhi keseluruhan kes. Beliau turut menekankan kepentingan mewujudkan risiko penemuan bagi memupuk rasa takut dalam kalangan syarikat agar mereka mula menyedari kesan jangka masa panjang terhadap industri.

Beliau turut berbicara mengenai proses pra-penyiasatan yang memerlukan badan berkuasa berjaga-jaga dalam membuat keputusan samada kes wajar dibawa ke peringkat seterusnya dan samada aduan yang diterima adalah demi kepentingan umum ataupun dibuat bagi menyusahkan pesaing.

Pada hari kedua, Prof Ian McEwin, seorang pakar undang-undang persaingan daripada Kesatuan Eropah membentangkan *The Role*

of Economics in Competition Policy sementara Prof Cheah Wee Wah, seorang ahli ekonomi, berkongsi pengalaman beliau dan memantau perbincangan berkumpul oleh para peserta pada penghujung bengkel.

Kemudian, Prof Robert McEwin memberitahu *MyCompetition News* bahawa jumlah pusing ganti yang relevan bagi sesebuah syarikat yang terlibat dengan amalan anti-persaingan merupakan elemen yang penting dalam menentukan denda yang akan dikenakan ke atasnya. Contohnya, denda sebanyak RM1 juta merupakan sejumlah wang yang banyak bagi sebuah syarikat yang kecil tetapi mungkin tidak banyak memberi kesan kepada sebuah syarikat yang besar dan oleh itu, kemungkinannya tidak berkesan dalam membantu MyCC mencapai matlamat iaitu menggalakkan persaingan dan melindungi pengguna.

Seorang lagi pembentang, Katsunori Inaguma, Penyiasat Kanan bagi *International Cartel at Japan Fair Trade Commission (JFTC)*, menyampaikan pengalaman Jepun dalam menyiasat aktiviti kartel merentas sempadan dan menggariskan kejayaan-kejayaan terbaru Program Kelonggaran di sana.

"Program Kelonggaran diperkenalkan di Jepun pada 2006. Di bawah sistem ini, perusahaan yang terlibat dengan kartel atau tipuan bida diberikan imunitasi daripada surcaj ataupun dikenakan jumlah surcaj yang kurang, dengan syarat perusahaan itu melaporkan aktiviti-aktiviti tersebut kepada JFTC secara sukarela. Sebelum program ini diperkenalkan, JFTC menghadapi kesukaran membanteras amalan kartel merentas sempadan. Misalnya, JFTC tidak dapat mengambil tindakan undang-undang terhadap beberapa kes." Inaguma menerangkan.



Dari kiri: KPE MyCC Shila Dorai Raj, Penasihat Utama GIZ, "Polisi Persaingan dan Undang-undang di ASEAN" Frank Tibitanzl, Former Hearing Officer and Former Head of Unit for Antitrust di European Commission Michael Albers, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Dato' Sri Alias Ahmad, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dato' Sri Hasan Malek, Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, EU Competition Law Expert Prof Robert Ian McEwin, Pakar Ekonomi Kanan dan Pengarah dan Prinsipal JayCee Asia-Pacific Pty Ltd Prof Cheah Chee-Wah, Senior Investigator for International Cartel, Japan Fair Trade Commission Katsunori Inaguma dan Ahli Suruhanjaya MyCC Prof Dato' Dr Sothi Rachagan.

MEMPERKENALKAN PERATURAN PERSAINGAN KEPADA ASEAN

Frank Tibitanzl merupakan Penasihat Utama bagi *German Federal Enterprise for International Co-operation (GIZ)* dalam *Competition Policy and Law in ASEAN (CPL) Project*. Bengkel Penyiasatan dan Pengendalian Kes Kumpulan Pakar Persaingan ASEAN (*Asean Experts Group on Competition, AEGC*), dengan kerjasama Sekretariat ASEAN dan badan serantau yang cekap, sedang mengambil pelbagai langkah bagi memperkenalkan peraturan persaingan kepada kesemua 10 negara anggota ASEAN bagi mempromosikan pasaran ekonomi yang berlandaskan daya saing.



Apakah pendapat anda mengenai aspek penyertaan dalam program ini?

Saya senang hati melihat para penyiasat dan peserta bengkel ini mengambil bahagian secara aktif. Jelas bahawa mereka sememangnya merasakan diri mereka sedang mempelajari sesuatu yang berguna dan akan membantu dalam melaksanakan tanggungjawab mereka, dan saya berpendapat bengkel ini sangat berjaya.

Apakah perkara paling menarik yang dikongsi dalam program ini?

Agak menarik untuk mengetahui bahawa sesetengah negara tidak mempunyai undang-undang persaingan kerana undang-undang tersebut menetapkan rangka kerja bagi penyiasat mengambil tindakan. Saya mencadangkan agar negara-negara yang

berada dalam proses merangka undang-undang persaingan mengambil keputusan yang sama seperti negara-negara yang sudah mempunyai undang-undang tersebut. Misalnya, hari ini saya mempelajari bahawa serbuan mengejut harus dibenarkan kerana ia merupakan elemen yang penting dalam penyiasatan. Tanpanya, mandat badan berkuasa adalah terhad dan sukar bagi menemui bukti bagi membina suatu kes.

Pada pendapat anda, apakah cabaran yang dihadapi dalam menguatkuasakan dan melaksanakan undang-undang persaingan dengan jayanya?

Salah satu cabaran yang terbesar, terutamanya bagi agensi-agensi yang masih muda, adalah tentangan. Terdapat banyak tentangan dan mengambil masa 10 tahun untuk undang-undang persaingan dipandang serius di negara Jerman.

Apakah cadangan anda bagi Malaysia atau MyCC atau negara-negara anggota ASEAN lain yang sedang melaksanakan undang-undang persaingan?

Mustahak untuk sentiasa memastikan kakitangan kekal bersemangat, khususnya apabila proses penyiasatan mengambil masa yang lama. Terdapat juga kes-kes yang ditolak di mahkamah dan ini akan menimbulkan rasa kecewa.

Individu yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang persaingan haruslah sentiasa ingat bahawa usaha-usaha yang dilakukan akan berbaloi dalam jangka panjang kerana persaingan penting bagi pembangunan ekonomi. Kita juga perlu mewujudkan persefahaman umum dalam negara dan kalangan perniagaan mengenai manfaat persaingan dalam jangka panjang.

Penolong Pengarah Perundangan dan Penguatkuasaan di *Competition Commission of Singapore (CCS)*, Yeo Hui Chuan, juga berucap di bengkel tersebut dan membincangkan kes-kes kartel terbaru di negaranya. Menurutnya, di bawah seksyen 34 Larangan dalam *Akta Persaingan* mana-mana perjanjian yang menghalang, menyekat atau

mengganggu persaingan di dalam Singapura tidak dibenarkan. Dalam situasi pelanggaran seksyen tersebut yang melibatkan anak-anak syarikat Singapura dan syarikat induk asing, kedua-dua pihak akan bertanggungjawab secara bersama kerana syarikat induk dianggap mempunyai kawalan muktamad ke atas anak syarikatnya.

Antara faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh CCS bagi menghitung penalti ialah pusing ganti yang relevan, faktor-faktor mitigasi, jenis pelanggaran dan tempoh masa pelanggaran. Beliau turut menegaskan bahawa kartel-kartel tegar merupakan salah satu bentuk tindakan anti-persaingan yang paling berbahaya dan CCS memandang serius isu ini.

Mustahak bagi penyiasat dan badan-badan berkuasa dalam bidang undang-undang persaingan memperkasakan kemahiran mereka dan belajar daripada pihak-pihak lain, terutamanya bagi agensi seperti MyCC yang masih agak muda. Oleh itu, bengkel ini merupakan landasan yang amat baik bagi para peserta dan penyiasat dari negara-negara anggota ASEAN bertukar-tukar pendapat dan berkongsi pengalaman.

PENDIRIAN MENENTANG TIPUAN BIDA

Menyedari bahawa penipuan bida merupakan salah satu daripada pelanggaran undang-undang persaingan yang paling serius, Suruhanjaya Persaingan (MyCC) secara proaktif menentang perilaku antipersaingan dan menjadikannya sebagai prioriti utama penguatkuasaan. Seajar dengan ini, MyCC telah menerbitkan dua buah buku panduan berkaitan tipuan bida, diikuti dengan penganjuran beberapa siri seminar berkaitan topik berkenaan di seluruh negara.



“Dalam masa 10 tahun, Malaysia telah membelanjakan 24% hingga 33% KDNK ke atas perolehan – lebih tinggi berbanding kebanyakan negara lain di dalam Organisasi untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD). Ini memberikan impak yang besar ke atas ekonomi negara memandangkan ia melibatkan dana awam. Justeru, kerajaan memberi penekanan kepada prinsip-prinsip seperti kebertanggungjawaban awam, ketelusan, nilai berbaloi untuk setiap ringgit, persaingan terbuka dan berperilaku adil ketika menguruskan tender.”

Dato' Sri Hasan Malek
Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan,
berkenaan implikasi ekonomi hiliran penipuan bida.

(Kanan) Pelancaran dua penerbitan baru : *Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam*; dan *Bantu Kami Kesan Tipuan Bida* di Putrajaya pada 23 Jun. Dari kiri ke kanan: KPE MyCC Shila Dorai Raj, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Dato' Zaidon bin Asmuni, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) Dato' Azmi bin Lateh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan YB Senator Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah, dan Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob.

Buku-buku tersebut juga telah dilancarkan di Kota Kinabalu, Sabah pada 23 September (muka surat sebelum ini: atas), dan Kuching, Sarawak pada 4 November (muka surat sebelum ini: bawah).



"Tipuan bida meningkatkan harga barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan dalam proses tender awam. Apabila tipuan bida memberi kesan kepada perolehan awam, tindakan ini membazirkan wang pembayar cukai dan akibatnya kerajaan terpaksa membayar harga yang jauh lebih tinggi berbanding harga sepatutnya, seterusnya membawa mudarat kepada ekonomi negara."

Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob
Pengerusi MyCC, berhubung usahasama yang diperlukan bagi mengatasi tipuan bida diperingkat kebangsaan.



"Kami bekerja tanpa rasa gentar atau pilih kasih. MyCC tidak akan bertolak ansur dengan amalan antipersaingan, tidak kira status atau latar belakang individu-individu yang menyokong perusahaan yang terlibat dalam penipuan sedemikian. Bagi kes yang melibatkan tender antarabangsa dan jika tindakan tersebut mempengaruhi pasaran di Malaysia, kerjasama merentasi sempadan dengan agensi-agensi lain dan bidangkuasa tambahan akan dilaksanakan."

Shila Dorai Raj
Ketua Pegawai Eksekutif, dalam menjawab soalan semasa sesi perbincangan ahli-ahli panel berhubung penguatkuasaan bagi tipuan bida diperingkat antarabangsa.

Terbitan pertama – *Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam*, merupakan terbitan asal oleh *Organisation for Economic Co-Operation and Development* (OECD) yang telah diterjemahkan ke Bahasa Melayu untuk memastikan garis panduan berkenaan boleh didapati dalam bahasa kebangsaan dan mudah didapati oleh semua Rakyat Malaysia.

Buku panduan seterusnya – *Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida* diterbitkan oleh MyCC untuk memastikan pegawai perolehan awam mengenal pasti salah laku semasa proses tender. Buku-buku tersebut telah dilancarkan di Putrajaya pada bulan Jun

oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Senator Dato' Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, selaku wakil kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Dato' Sri Hasan Malek. Turut hadir adalah Pengerusi MyCC Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, yang telah menyampaikan ucapan pembukaan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Dato' Zaidon bin Asmuni, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) Dato' Azmi bin Lateh, dan KPE MyCC Shila Dorai Raj.

(Bersambung ke muka surat 15)

PAPARAN

“Walaupun *Akta Pencegahan Rasuah Malaysia* tidak mengandungi definisi yang spesifik bagi tipuan bida, peruntukan akta tersebut meliputi kesalahan-kesalahan berbentuk rasuah dalam proses memperoleh tender. Apabila pembida-pembida membuat pakatan sulit untuk memanipulasi tender bagi kepentingan masing-masing dengan menawarkan suapan kepada penjawat awam, SPRM boleh menyiasat perkara ini, sungguhpun tidak melibatkan transaksi wang.”

Dato' Han Chee Rull

Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), berbicara mengenai skop Suruhanjaya bagi kesalahan tipuan bida sewaktu sesi perbincangan bersama ahli-ahli panel.



“Adalah penting bagi menekankan bahawa kami boleh mendakwa dan langkah yang seterusnya bagi memupuk pemahaman yang lebih baik dalam kalangan pegawai-pegawai perolehan awam. Kami juga perlu menerangkan kepada sektor swasta bahawa tipuan bida tidak boleh diterima.”

Wan Khatina Wan Mohd Nawawi

Pengarah Penyelidikan, Institut Penyelidikan Khazanah Malaysia, berhubung bidang-bidang yang memerlukan lebih tumpuan bagi mencegah tipuan bida di negara ini.



“Mengesan dan memerangi tipuan bida melibatkan usahasama dan pelbagai inisiatif daripada MyCC bagi menyumbang kepada peningkatan kecekapan diperingkat kebangsaan. Kesedaran amat mustahak dan penting juga bagi mewujudkan penyebaran maklumat berkenaan isu ini kepada masyarakat umum, perusahaan dan para pengawalselia.”

Ahmad Junaidi

Pengarah Prosiding Kes dan Keputusan, Komisi Pengawas Persaingan Usaha, Indonesia, berhubung bidang yang boleh ditumpukan bagi tujuan penambahbaikan.



“Berkat usaha-usaha yang dilakukan oleh MyCC, Malaysia sememangnya berada di landasan yang betul dalam mengawal tipuan bida. Saya dapat melihat bahawa semua perkara yang seharusnya sedang dilakukan sebagai persediaan dalam memerangi penipuan ini. Bagi meneruskan usaha-usaha tersebut, MyCC boleh membina rangkaian perhubungan yang rapat dengan badan-badan perolehan bagi pertukaran maklumat dan rujukan kes-kes.”

Antonio Capobianco

Directorate for Financial Enterprise Affairs, Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), berhubung usaha-usaha Malaysia dari segi mempromosikan persaingan adil dan inisiatif utama bagi memerangi tipuan bida.



“Pakatan sulit dikenalpasti apabila kita melakukan audit ke atas aktiviti-aktiviti perolehan awam yang dilakukan oleh agensi kerajaan dan kementerian. Kemudian, hasilnya dilaporkan kepada Parlimen bagi kementerian-kementerian yang terlibat mengambil tindakan berdasarkan isu yang dibangkitkan. Sekiranya tindakan tidak diambil, langkah seterusnya adalah membentangkannya di Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak di mana badan-badan berkuasa seperti SPRM, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam dilibatkan bersama bagi membincangkan isu tersebut. ”

Raja Sunthara Kannan Raja Gopal

Timbalan Pengarah Audit Persekutuan, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Jabatan Audit Negara, dalam menerangkan kepada para peserta tentang latar belakang bagi peranan dan tanggungjawab Jabatan Audit Negara berhubung tipuan bida dan usahasama yang diperlukan bagi menghentikan pakatan sulit secara berkesan.



“Peraturan-peraturan yang ketat dan badan penguatkuasa yang kukuh penting bagi memerangi tipuan bida. Contohnya, di Korea, Suruhanjaya Perdagangan Adil Korea, memberikan bakal pembida amaran keras tentang undang-undang yang terpakai. Tindakan ini berkesan bagi mencegah kartel daripada berpakatan sulit kerana sekiranya didakwa, syarikat tersebut tidak layak untuk menyertai mana-mana bidaan atau proses tender selepas itu.”

Kim Hong-Geun

Deputy Director, Cartel Investigation Division, Cartel Bureau, Korea Fair Trade Commission

(Daripada muka surat 13)

Dalam ucapannya, Dato' Sri Hasan bin Malek menekankan bahawa perolehan awam memberikan impak yang besar ke atas ekonomi Negara dan proses yang efektif dan telus sangat penting untuk memastikan proses ini tidak dicemari penipuan bida. Beliau turut memberi penekanan berkenaan peranan pegawai perolehan awam di dalam mengenal pasti tipuan bida dan penglibatan secara langsung dan berterusan dengan mereka adalah perlu. Untuk itu, program berkaitan seperti seminar yang dijalankan penting di dalam meningkatkan pengetahuan pegawai berkaitan di dalam mengenal pasti salah laku seperti ini.

Buku-buku panduan ini kemudiannya dilancarkan di Kota Kinabalu, Sabah, pada September dengan dibantu oleh Pengarah KPDNKK Sabah, Mr Severinus Tukah, dan seterusnya pada November dengan dibantu oleh Pengarah KPDNKK Sarawak, Mr Stanley Tan. Selepas majlis pelancaran, seminar berkenaan tipuan bida turut dianjurkan, yang dihadiri oleh para pegawai perolehan awam.

Ini diikuti oleh seminar-seminar lain yang diadakan di Kangar, Sibul, Sandakan, Kuantan dan Melaka. Antara lain seminar-seminar ini memberikan penerangan kepada para pegawai perolehan awam isu-isu berkaitan tipuan bida, kenapa ia dilarang oleh *Akta Persaingan 2010*, dan apa yang harus dikenal pasti semasa melaksanakan proses tender.

Untuk meningkatkan lagi kesedaran awam tentang larangan terhadap tipuan bida ini, MyCC juga telah bekerjasama dengan Kemeterian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan seperti Institut Penyelidikan Khazanah.

GST DAN AKTA PERSAINGAN

Suatu Pesanan daripada MyCC kepada Para Pengguna dan Perniagaan

Selaras dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang akan berkuatkuasa pada 1 April 2015, artikel ini bertujuan memberi kesedaran kepada pengguna dan perusahaan mengenai implikasi yang mungkin berlaku di bawah Akta Persaingan 2010 (AP2010) seiring dengan pengenalan GST tersebut.

Apakah GST?

GST adalah cukai penggunaan yang berasaskan konsep 'nilai ditambah' dan kadarnya ditetapkan pada 6%. Cukai ini akan dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan di setiap peringkat pengeluaran dan pengedaran dalam rantai bekalan termasuk barangan dan perkhidmatan yang diimport. Namun begitu, barangan keperluan tertentu seperti makanan asas, perkhidmatan kesihatan, pendidikan swasta, pengangkutan awam, rumah kediaman, tanah pertanian, petrol RON95, diesel, Gas Petroleum Cecair (LPG), ubat-ubatan, buku-buku rujukan dan keagamaan, kamus serta surat khabar adalah dikecualikan daripada dikenakan GST. Selain itu, hanya perusahaan yang berdaftar di bawah perundangan GST layak mengenakan dan mengutip GST.

AP2010 yang dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) melarang perusahaan-perusahaan daripada terlibat dalam perjanjian anti-persaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan. Oleh yang demikian, meskipun pengenalan GST dengan sendirinya tidak membangkitkan sebarang isu di bawah AP2010, para peniaga harus menyedari akan apa-apa tindakan yang mungkin mempunyai implikasi di bawah Akta tersebut.

Akta Persaingan 2010


Sebarang perjanjian, sama ada mendatar atau menegak, yang mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat, atau mengganggu persaingan secara signifikan merupakan pelanggaran seksyen



4 Akta Persaingan 2010 (AP 2010). Penetapan harga, perkongsian pasaran, mengehadkan pengeluaran atau penawaran dan tipuan bida dilihat sebagai antara pelanggaran yang serius di bawah undang-undang persaingan.

Pengenalan GST akan mempengaruhi strategi harga kebanyakan perniagaan secara langsung dan sebuah perniagaan mungkin memutuskan untuk mengubah strategi harganya setelah GST diperkenalkan. Contohnya, jika mereka berpakat sulit atau bersetuju meningkatkan harga selepas pengenalan GST, termasuklah di bawah naungan persatuan dagang atau industri, tindakan tersebut akan dilihat

Memandangkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang akan dikenakan bakal menyebabkan kenaikan harga, MyCC memberi amaran kepada para peruncit agar tidak bergabung untuk bersama-sama menaikkan harga kerana ia melanggar *Akta Persaingan 2010*.



sebagai penglibatan dalam penetapan harga, yang merupakan suatu pelanggaran yang serius. Namun, sebuah perniagaan mempunyai budi bicara untuk menyesuaikan harga barangan atau perkhidmatannya berdasarkan GST dan membuat keputusan samada ingin menaikkan harga berikutan pelaksanaan GST.

Seksyen 10 AP2010 melarang perusahaan daripada terlibat sama ada secara sendiri atau kolektif dalam apa-apa perlakuan yang berupa suatu penyalahgunaan kedudukan dominan dalam mana-mana pasaran bagi barangan atau perkhidmatan. Ini bermakna

bahawa jika perniagaan anda mempunyai kedudukan yang dominan dalam mana-mana pasaran, anda perlu memastikan bahawa kedudukan dominan tersebut tidak digunakan bagi menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan. Berada di kedudukan dominan semata-mata tidak melanggar AP2010 tetapi tindakan-tindakan seperti amalan eksploitasi harga, harga pemangsa (*predatory pricing*), diskriminasi harga, himpitan margin (*margin squeeze*) serta perlakuan yang tidak berkaitan dengan harga seperti jualan terikat dan jualan secara 'bundling', perjanjian secara eksklusif dan keengganan untuk membekal merupakan pelanggaran.

Pelaksanaan GST bukanlah suatu alasan bagi perniagaan meningkatkan harga sewenang-wenangnya dan perusahaan dominan yang mengenakan harga yang terlalu tinggi mungkin disifatkan sebagai melanggar Akta tersebut dan sekiranya didapati bertanggungjawab perusahaan itu akan tertakluk kepada penalti kewangan sehingga 10% daripada pusing ganti sedunia.

Memupuk Kesedaran

MyCC menyeru semua perusahaan di Malaysia untuk mengambil langkah-langkah bagi memastikan pematuhan kepada AP2010. Ini memerlukan perusahaan untuk mengkaji semula apa-apa kontrak atau peraturan-peraturan bukan kontrak yang sedia ada dan amalan perniagaan untuk menentukan sama ada terdapat apa-apa kebimbangan yang perlu ditangani berhubung pelanggaran AP2010. Selain itu, perusahaan juga memerlukan pengenalan program pematuhan khusus yang merangkumi komitmen yang berterusan terhadap pematuhan undang-undang persaingan. Sebagai panduan umum, perusahaan dinasihati supaya merujuk kepada buku panduan *Akta Persaingan 2010: Panduan Bagi Perniagaan* untuk maklumat lanjut.

Perniagaan diingatkan agar tidak mengambil kesempatan terhadap pengenalan GST dengan mengambil bahagian dalam tindakan antipersaingan terutamanya, berkaitan strategi penentuan harga. Pasaran di Malaysia mesti kekal berdaya saing termasuk mewujudkan harga yang kompetitif kerana ini akan memastikan perniagaan menjadi lebih cekap, inovatif dan responsif kepada permintaan pengguna dan sejurusnya membawa kepada harga yang lebih rendah, produk yang lebih baik dan pilihan yang lebih luas kepada pengguna serta kecekapan yang lebih tinggi untuk perusahaan dan ekonomi secara keseluruhannya.

Akhir sekali, MyCC bergantung kepada setiap pengguna dan perniagaan untuk memantau dan melaporkan pelanggaran atau kemungkinan berlakunya pelanggaran AP2010 dengan melengkapkan borang aduan yang boleh didapati di www.mycc.gov.my.

KEPAKARAN

Kerjasama merentas sempadan antara suruhanjaya persaingan begitu penting kerana ia membantu mengukuhkan kebolehan dan memantapkan pengetahuan. Salah satu kaedah pelaksanaannya adalah melalui program peminjaman dan penempatan, serta pelantikan individu-individu yang mempunyai kepakaran yang relevan.

Zairan Ishak

Pegawai Perundangan, MyCC

Selaras dengan Pelan Pembinaan Kapasiti 2014 bagi kakitangan MyCC, Zairan Ishak dipilih untuk menjalani penempatan selama sebulan di *Competition Commission of Singapore* (CCS). Beliau telah ditugaskan bersama kumpulan kes yang menyiasat dakwaan wujudnya perjanjian antipersaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan, yang mendedahkan beliau kepada penyiasatan awal dan permohonan kelonggaran, serta merangka keputusan-keputusan pelanggaran undang-undang persaingan. Kesemua pengalaman ini

akan membantu beliau dalam melaksanakan tugasnya dengan MyCC.

Kerjasama antara kedua-dua suruhanjaya telah bermula semenjak CCS ditubuhkan pada 1 haribulan Jun 2011, melalui lawatan CCS dan mesyuarat dengan pegawai-pegawainya bagi membincangkan garis panduan dalaman dan luaran. Baru-baru ini, pegawai CCS dijemput untuk berucap di Bengkel Kumpulan Pakar Persaingan ASEAN (AEGC) tentang Penyiasatan dan Pengendalian Kes.



"Penempatan ini memberi manfaat kepada kedua-dua pihak dan kami saling bertukar pandangan mengenai penguatkuasaan dan proses penyiasatan MyCC dan CCS lantas menjadikan pengalaman ini berguna dan bermakna, dari segi peribadi dan juga kerjaya."

Ibrahim Bah

Penasihat Teknikal, MyCC

Sebelum pelantikan beliau di MyCC, Ibrahim Bah telah berkhidmat dengan beberapa suruhanjaya persaingan, iaitu *South Africa Competition Commission*, *the Competition Commission of Ireland* and *the Norwegian Competition Authority*.

Jawatannya kini ialah penasihat dan tugasnya termasuklah menerima aduan pelanggaran *Akta Persaingan 2010* (AP 2010), permohonan kelonggaran dan membantu membina kapasiti

kakitangan serta tugas-tugas khas seperti mewakili MyCC dalam perbincangan.

Pengalaman yang diperolehinya dalam pelbagai bidangkuasa telah memberikan beliau pengetahuan bagi memahami, mengenalpasti dan berurusan dengan isu-isu perundangan dan transaksi-transaksi komersil yang spesifik kepada negara yang tertentu. Penempatan beliau memberi MyCC sudut pandangan yang berlainan dan baharu dalam menyiasat aduan-aduan pelanggaran undang-undang persaingan.

"Saya kagum dengan MyCC kerana meskipun agak baharu, agensi persaingan ini telah mengendalikan pelbagai kes yang saya percaya tidak akan dikendalikan oleh agensi lain sewaktu awal penubuhannya."

Sejak Akta Persaingan 2010 (AP 2010) dikuatkuasakan pada awal tahun 2012, MyCC telah menyiasat beberapa kes melibatkan kegiatan-kegiatan antipersaingan. Dalam seksyen ini, kami menekankan beberapa contoh terkini dan tindakan-tindakan yang diambil demi memantapkan semangat persaingan di Malaysia.

PELUPUSAN KLAUSA-KLAUSA EKSLUSIF

Penerimaan Aku Janji daripada
Penyedia Perkhidmatan Logistik

Berdasarkan aduan diterima, MyCC telah menyiasat tuduhan salah laku menurut seksyen 4(1) dan 10(1) Akta Persaingan 2010 (AP 2010) menurut kuasa klausa eksklusif di dalam perjanjian vertikal, melibatkan Giga Shipping Sdn Bhd dan Nexus Mega Carriers berkenaan penyediaan perkhidmatan logistik dan penghantaran kenderaan bermotor melalui laut. MyCC baru-baru ini menerima Akujanji Seksyen 43 daripada Giga Shipping di mana, di antaranya, dinyatakan usaha syarikat itu untuk menghentikan termasuklah klausa eksklusif di dalam perjanjian (dengan beberapa pengecualian) dan siasatan ditutup dengan mendapati tiada sebarang pelanggaran dilakukan.

MENCANTAS PENYEKATAN PASARAN DARIPADA AWAL

Garis Panduan berkenaan Pemeriksaan
Kesihatan dan Perlindungan Insuran

MyCC mangalu-alukan garis panduan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (*Ministry of Education Malaysia, MOE*) yang membolehkan institusi pengajian swasta melantik mana-mana firma insurans yang berdaftar dengannya untuk memberikan perlindungan insurans kepada pelajar daripada luar negara. Sebelum ini, MyCC telah menerima aduan berkenaan penyekatan pasaran, yang merupakan perilaku antipersaingan, oleh *Education Malaysia Global Services*, subsidiari sepenuhnya milik KPM dan seterusnya melantik pihak berkenaan untuk memastikan bahawa pelajar asing boleh memilih penyedia perlindungan insurans yang mereka mahu.

PENALTI KEWANGAN BERNILAI RM439,000


Penetapan Harga Produk
Manisan dan Bakeri

24 anggota Persatuan Bakeri dan Manisan Sibü ("Sibü Confectionery and Bakers Association" atau SCBA) diberikan tempoh sehingga 30 Oktober 2014 untuk menghantar jawapan bertulis atau menyatakan niat untuk memberikan jawapan secara lisan, di mana kegagalan berbuat demikian boleh dikenakan penalti berjumlah RM439,000.00 untuk penetapan harga, kesalahan di bawah Seksyen 4(2) Akta Persaingan 2010. Hasil siasatan mendapati pihak syarikat telah bersetuju untuk menaikkan 10-15% harga barangan manisan dan bakeri yang dijual di Sibü bermula 1 Disember 2013. Mereka juga telah diarahkan untuk menghentikan pelanggaran tersebut dan mematuhi Akta.

AMARAN TERHADAP PENETAPAN HARGA

Pengendali Bas Sekolah
Bersetuju Kenaikan Tambang

MyCC telah memberi amaran kepada pengendali bas sekolah di Malaysia supaya menentukan struktur tambang bas mereka secara bebas, berikutan laporan daripada akhbar harian bahawa 18,000 ahli Persekutuan Pengendali Bas Sekolah Malaysia yang telah bersetuju secara kolektif untuk kenaikan sebanyak 30% bermula 2015. Menurut MyCC, perjanjian tersebut merupakan pelanggaran terhadap Seksyen 4 Akta, yang melarang penetapan harga dan mengenakan penalti kewangan sehingga 10% daripada jumlah keseluruhan perolehan mereka dalam tempoh pelanggaran dibuat.





SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

PROGRAM GERAN PENYELIDIKAN (RGP) KHAS

Program ini akan membiayai penyelidikan, tinjauan pasaran dan kajian kes berkaitan isu-isu persaingan dalam ekonomi Malaysia dan kini dibuka sepanjang tahun bagi permohonan.

TOPIK-TOPIK KAJIAN

- Mana-mana **Bidang Penyelidikan Strategik** yang tersenarai di laman sesawang MyCC. (Bidang Penyelidikan Strategik mungkin disemak semula dari semasa ke semasa dan pemohon dinasihatkan agar merujuk laman sesawang MyCC bagi maklumat terkini.)
- Bidang Penyelidikan Strategik menumpukan kepada sektor-sektor utama dan pihak-pihak berkepentingan yang termasuk dalam **Pelan Strategi Advokasi MyCC**.
- Tiada had kepada bilangan cadangan penyelidikan yang dikemukakan secara individu atau berkumpulan.

KELAYAKAN PEMOHON

- **Warganegara Malaysia** dengan keupayaan penyelidikan yang terbukti dalam mana-mana bidang.
- Penyelidik fakulti, pasca doktor falsafah atau doktor falsafah di universiti awam atau swasta.
- Kakitangan badan pemikir atau organisasi masyarakat sivil. (Sebuah organisasi boleh memohon di bawah nama organisasi dan diwakili oleh kakitangan atau Ketua Pegawai Eksekutif.)
- Penyelidik bebas.

CARA MEMOHON?

- Sila layari laman sesawang MyCC di **www.mycc.gov.my** atau hantar e-mel kepada **RGP@mycc.gov.my** bagi mengakses 'Call for Applications' yang mengandungi maklumat terperinci tentang **Prosedur Permohonan**.
- Permohonan dibuka sepanjang tahun.

Ikuti kami di:  www.mycc.gov.my

 www.facebook.com/theMyCC

 www.youtube.com/MyCompetitionNews

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Aras 15, Menara SSM@Sentral, 7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur
Tel : +603-2273 2277 Faks : +603-2272 2293 / +603-2272 1692 Emel : enquiries@mycc.gov.my